

BN akan letak

calon MCA
UM 21 DEC 2001

CHANGLUN 20 Dis. —
Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) akan meletakkan calon parti MCA untuk bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan di Perlis.

Menurutnya, calon MCA akan diletakkan kerana kerusi itu sebelum ini dimenangi oleh calon parti itu mendiang Datuk Khor Liang Tee.

"Kita akan ada pilihan raya kecil seperti biasa," katanya mengulas kematian Khor akibat barah usus di sebuah hospital di Kuala Lumpur malam tadi.

Perdana Menteri mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Khor.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan Setiausaha UMNO Bahagian Kubang Pasu, Shamsuddin Ahmad di Felda Batu Lapan dekat sini hari ini.

Khor, 59, memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan pada pilihan raya umum 1999 apabila menewaskan calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ko Chu Liang dengan majoriti 1,974 undi.